



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 6 (11) 02/03

## SESI PERMUKIMAN MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN

### DI LUANG PRABANG, LAO PDR

1. YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pertahanan Malaysia telah menghadiri Sesi Permukiman Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN di Luang Prabang, Lao PDR pada 4 hingga 6 Mac 2024.
2. Sesi Permukiman tersebut yang disertai oleh 10 negara anggota ASEAN telah dipengerusikan oleh TYT Jeneral Chansamone Chanyalath, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Lao PDR.
3. Semasa Sesi Permukiman tersebut, YB Dato' Seri Mohamed Khaled telah menyampaikan sokongan dan komitmen Malaysia terhadap Lao PDR selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (*ASEAN Defence Ministers' Meeting, ADMM*) pada tahun ini. Pelbagai perkara telah dibincangkan semasa Sesi Permukiman berkenaan termasuklah soal keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau dengan menjadikan prinsip dan nilai asas ASEAN iaitu "*centrality*" dan "*unity*" sebagai keutamaan.
4. YB Dato' Seri Mohamed Khaled juga membincangkan mengenai kemajuan ADMM dan strategi ADMM pasca-2025, dengan mengambil kira pencapaian pelaksanaan Pelan Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN 2025. Beliau turut menekankan kepentingan ADMM dan ADMM-Plus selaku platform utama dalam mempromosikan dialog pertahanan dan keselamatan serta kerjasama praktikal untuk meningkatkan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau.

5. Menteri Pertahanan Malaysia turut berkongsi pandangan mengenai cabaran keselamatan serantau yang dinamik dan menekankan kepentingan bagi Negara Anggota ASEAN untuk terus bersiap sedia dan sentiasa responsif terhadap cabaran keselamatan yang semakin berubah.
6. YB Dato' Seri Mohamed Khaled juga berkesempatan untuk mengadakan pertemuan dua hala dengan TYT Jeneral Chansamone Chanyalath, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Lao PDR. Kedua-dua Menteri telah menyentuh mengenai pelbagai isu strategik yang berkepentingan kepada kedua-dua negara termasuk kepentingan untuk mengekalkan kepusatan dan perpaduan ASEAN. Turut dibincangkan pelbagai bentuk kerjasama yang boleh terus dilaksanakan antara kedua-dua buah negara dalam bidang pertahanan, khususnya dalam soal kawalan sempadan dan pertukaran pegawai melalui program pembangunan kapasiti.
7. Menteri Pertahanan Malaysia turut bertemu dengan TYT Sutin Klungsang, Menteri Pertahanan Thailand. Dalam pertemuan dua hala tersebut, kedua-dua Menteri telah mengesahkan komitmen untuk meningkatkan lagi kerjasama pertahanan antara Malaysia dan Thailand, khususnya dalam mengukuhkan keselamatan di kawasan sempadan kedua-dua negara.
8. YB Dato' Seri Mohamed Khaled juga telah menganjurkan cadangan supaya dimeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara Malaysia dan Thailand bagi memperkukuh hubungan serta kerjasama khususnya dalam bidang pertahanan dan ketenteraan. Melalui MoU tersebut, pelbagai usaha diterokai secara bersama termasuklah dalam bidang sains dan teknologi, perkongsian latihan dan kepakaran serta pembangunan industri pertahanan tempatan.

9. Pada penghujung Sesi Permukiman tersebut, satu Kenyataan Bersama telah dikeluarkan oleh Menteri Pertahanan ASEAN mengenai Pencapaian ADMM dalam Pelaksanaan Pelan Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN 2025. Menteri-menteri Pertahanan ASEAN mengesahkan komitmen untuk merealisasikan Wawasan Komuniti ASEAN 2045, termasuk memastikan sumbangan sektor pertahanan dipertingkatkan demi keamanan, kestabilan dan keselamatan serantau.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**

**6 Mac 2024**